



# PANDUAN LIBERALISASI INSURANS MOTOR MSIG

Versi 1.0



## LIBERALISASI

Apakah **Liberalisasi** Insurans Motor?

Bagaimanakah premium Insurans Motor saya akan dikira?

Apakah akan terjadi kepada Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) saya?



Liberalisasi Insurans Motor akan dilaksanakan di Malaysia pada 1 Julai 2017. Sebagai pemegang polisi MSIG, anda mungkin mempunyai soalan tentang bagaimana ini akan memberi kesan terhadap pembaharuan Polisi Insurans Motor MSIG anda.

Kami di sini bersedia untuk membantu dengan beberapa soalan lazim.

## 1. Apakah Liberalisasi Insurans Motor?

Ini bermaksud berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017, harga insurans motor tidak akan lagi ditentukan berdasarkan Tarif Motor (senarai harga yang telah ditetapkan) bagi perlindungan Komprehensif serta Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian.

Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa perlindungan Motor Pihak Ketiga akan terus tertakluk kepada Kadar Tarif.

Produk dan perlindungan motor yang sedia ada ialah:

### Perlindungan Komprehensif

### Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

### Perlindungan Pihak Ketiga

Kematian atau kecederaan **pihak ketiga** dalam kemalangan



Kerosakan terhadap **kenderaan atau harta benda orang lain**



Kerosakan terhadap **kenderaan anda** disebabkan oleh kebakaran atau jika kenderaan anda dicuri



Kerosakan terhadap **kenderaan anda** akibat kemalangan



Sumber: Soalan Lazim Bank Negara Malaysia mengenai Liberalisasi Motor Insurans

## 2. Bagaimanakah premium Insurans Motor saya akan dikira\*?

Premium insurans akan berdasarkan ciri-ciri risiko. Semakin tinggi potensi risiko, semakin tinggi premium. Semakin rendah potensi risiko, semakin rendah premium.

Arah aliran masa lalu, rekod tuntutan untuk jenis buatan dan model kenderaan tertentu (contohnya kenderaan mudah dicuri), rekod tuntutan kumpulan orang dengan ciri-ciri yang serupa (contohnya pemandu muda adalah lebih berisiko kerana kekurangan pengalaman memandu) akan diambil kira.

Selanjutnya, rekod tertentu diri anda akan menentukan premium insurans anda. Contohnya, orang yang membuat banyak tuntutan akan mempunyai risiko yang lebih tinggi.

Premium insurans yang dikenakan juga mestilah mampu ditanggung untuk memastikan syarikat insurans mampu membayar tuntutan.

\*Kecuali Perlindungan Pihak Ketiga

### **3. Apakah akan terjadi kepada Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) saya?**

Anda masih berhak mendapat NCD dan struktur NCD kekal tidak berubah.

### **4. Adakah terdapat apa-apa perubahan terhadap Perlindungan Produk saya, atau Terma dan Syaratnya?**

Perlindungan Produk serta Terma dan Syaratnya pada notis pembaharuan anda kekal tidak berubah bagi perlindungan Komprehensif serta perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian.

### **5. Adakah terdapat apa-apa manfaat tambahan?**

Bagi Kenderaan Persendirian Komprehensif sahaja, MSIG kini menawarkan manfaat tambahan kepada anda seperti:



#### **(a) Perlindungan Kunci Pintar (Bukan Tarif)\*\***

- Untuk melindungi kerugian atau kerosakan Kunci Pintar Kereta anda.



#### **(b) Perlindungan Bencana Khas - Banjir, Ribut, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah atau Penenggelaman Tanah\*\***

- Untuk melindungi kenderaan anda daripada banjir dan kerosakan berkaitan dengan cuaca.



#### **(c) Insurans Kemalangan Diri Pemandu (Bukan Tarif)\*\***

- Untuk melindungi pemandu dan penumpang yang menaiki kenderaan anda.

\*\*Tertakluk kepada terma dan syarat

### **6. Sekiranya kenderaan saya rosak atau terlibat dalam kemalangan, adakah saya masih boleh memohon perkhidmatan Bantuan Motor?**

Perkhidmatan nilai tambahan seperti Program Bantuan Motor\*\* akan terus disediakan kepada Pemegang Polisi Komprehensif Motor kami.

Sila pastikan anda memasukkan Nombor Talian Bantuan Motor dalam telefon mudah alih anda supaya anda boleh membuat panggilan apabila perlu.

\*\*Tertakluk kepada terma dan syarat

### **7. Adakah terdapat apa-apa perubahan dalam Prosedur Tuntutan MSIG?**

Tidak ada perubahan dalam Prosedur Tuntutan kami dan kami akan terus memberikan tahap perkhidmatan tertinggi kepada anda.

**Bagi butiran lanjut mengenai Insurans Motor MSIG,** sila layari laman web [www.msig.com.my/AskMaya](http://www.msig.com.my/AskMaya), di mana kami telah menyenaraikan lebih banyak jawapan kepada soalan-soalan anda.

Atau, anda juga boleh mengemukakan pertanyaan anda kepada kami secara dalam talian (online).



## MENGENAI MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("MSIG Malaysia") ialah anak syarikat Mitsui Sumitomo Insurance Company, Limited serta ahli MS&AD Insurance Group Holding, Inc. ("MS&AD"), iaitu salah satu kumpulan insurans am terbesar di dunia.

Beribu pejabat di Kuala Lumpur, MSIG Malaysia mempunyai pengalaman lebih daripada 100 tahun dalam insurans am dan mempunyai rangkaian sebanyak 20 cawangan di seluruh negara.



**MSIG**

Anugerah Syarikat Insurans Am Terbaik  
Anugerah Industri Insurans Asia 2015

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)**

**Ibu Pejabat:** Pusat Khidmat Pelanggan, Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur.

**Tel:** +603-2050 8228 **Faks:** +603-2026 8086 **Talian Perkhidmatan Pelanggan:** 1-800-88-MSIG (6744)

**Emel:** myMSIG@my.msig-asia.com **Laman Web:** [www.msig.com.my](http://www.msig.com.my) [www.facebook.com/MSIGMalaysia](http://www.facebook.com/MSIGMalaysia)